KORDEL'S GLUCOSAMINE PLUS CHONDROITIN 500/400 CAPSULE

Glucosamine sulfate / chondroitin sulfate (500mg/400mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule
2. Bagaimana Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule
4. Cara menggunakan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule
5. Semasa menggunakan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule

Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule digunakan sebagai terapi tambahan untuk *osteoarthritis* (penyakit sendi degeneratif bercirikan sakit dan kekakuan sendi).

Bagaimana Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule berfungsi

Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule memperbaiki fungsi sendi, membina tulang rawan dan juga mengalakkan pembentukan cecair sinovial (cecair yang terdapat di antara sendi yang bertindak sebagai pelincir).

Glucosamine dan Chondroitin berfungsi secara sinergi dan membantu melegakan kesakitan sendi, memulihkan fungsi sendi dan fleksibiliti dan menghalang penguraian tulang rawan sendi.

Sebelum menggunakan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule

- *Bila tidak boleh menggunakan*
  Jangan mengambil Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule jika anda hipersensitif pada glucosamine, chondroitin dan kerang-kerangan.

  Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule berasal dari makanan laut.

- *Sebelum menggunakan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule*
  Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan glucosamine dan chondroitin jika anda:
  1) Mengandung atau merancang untuk mengandung
  2) Menyusukan bayi atau merancang untuk mula menyusukan bayi
  3) Menghidap kencing manis atau masalah kesihatan

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
  Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Beritahu doktor jika anda sedang mengambil ubat untuk merawat kencing manis. Anda perlu memantau paras gula dalam darah anda secara kerap.

Cara menggunakan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule

- *Berapa banyak harus digunakan*
  Ambil 1 kapsul tiga kali sehari.

- *Bila perlu digunakan*
  Kapsul diambil 15 minit sebelum makan.

- *Berapa lama perlu digunakan*
  Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule perlu diambil mengikut nasihat doktor. Kelegaan kesakitan hanya dapat dirasai setelah seminggu. Oleh itu, anda mungkin perlu mengambil ubat untuk meredakan kesakitan semasa memulakan rawatan.

- *Jika anda terlupa menggunakan*
  Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*
  Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule

- *Perkara yang perlu dilakukan*
  Patuhi cadangan dos yang tertulis pada label atau mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
  Jangan mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor atau ahli farmasi.

  Jangan berikan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom dan keadaan yang sama seperti anda

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
  Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Kardiovaskular: Bengkak kaki atau tangan dan degupan jantung yang laju telah dilaporkan oleh beberapa orang.

Sistem saraf pusat: Mengantuk, sakit kepala, kesukaran untuk tidur boleh berlaku semasa rawatan tetapi jarang berlaku (kurang dari 1%).

Gastrousus: Mual, muntah, cirit-birit, ketidakhadaman, atau sakit perut bahagian atas abdomen,, sembelit, pedih ulu hati dan kehilangan selera makan, juga ada dilaporkan tetapi jarang berlaku.

Kulit: Reaksi kulit seperti kemerahan kulit dan kulit gatal telah dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nprа.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule

- *Penyimpanan*
  Jauhi daripada kanak-kanak. Simpan di tempat kering di bawah suhu 30° C, elakkan daripada cahaya matahari.

- *Pelupusan*
  Lupuskan ubat ini apabila anda diarahkan untuk berhenti mengambil Kordel's Glucosamine Plus Chondroitin Capsule oleh doktor atau ahli farmasi atau ubat ini telah melepasi tarikh luput. Tanya ahli farmasi anda, cara pelupusan yang betul.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*
  Serbuk berwarna putih gading (*off-white*) di dalam kapsul keras jernih

- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan-bahan aktif
    Glucosamine sulfate potassium chloride complex
    Chondroitin sulfate sodium

  - Bahan-bahan tidak aktif
    Magnesium stearate.
    Gelatin
    Water-Purified
    Sodium Lauryl Sulfate
    Silicon dioxide

- *Nombor MAL*
  MAL08111816XC

Pengilang
Vitaco Health (NZ) Ltd.
Cnr Kordel Place & Accent Drive,
East Tamaki, New Zealand

Pemegang Pendaftaran Produk
Cambert(M) Sdn Bhd
8th Floor, Wisma Consplant 1,
No. 2, Jalan SS 16/4,
47500 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
03/06/2021

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)020621/00031